



<http://www.rahsiaanakpintar.com>

## PERHATIAN

**[Anda TIDAK BOLEH]** mengeluarkan ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin sama ada dalam bentuk tulisan daripada penerbit [www.RahsiaAnakPintar.com](http://www.RahsiaAnakPintar.com)

**[Anda TIDAK BOLEH]** menjual report ini untuk mendapat sebarang keuntungan.

**[Anda TIDAK BOLEH]** mengedar report ini secara spam atau apa-apa cara yang tidak beretika dan salah disisi undang-undang.

**[Anda TIDAK BOLEH]** mengubahsuai mana-mana kandungan dalam report ini.

## WALAU BAGAIMANAPUN

**[Anda BOLEH]** mengedarkan report ini secara PERCUMA kepada sesiapa sahaja secara beretika.

**[Anda BOLEH]** menjadikan report ini sebagai BONUS bagi mana-mana produk yang anda jual

## PENAFIAN PENULIS

Segala maklumat yang terkandung dalam report ini adalah untuk tujuan pengetahuan dan maklumat semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk sebarang diagnosis atau rawatan. Segala kandungan dalam ebook ini bukanlah nasihat rasmi atau menepati 100% daripada apa yang dinyatakan. Ianya bergantung kepada usaha yang dilakukan, masa, keadaan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi hasil daripada kaedah yang dicadangkan. Penulis sedaya upaya menyampaikan maklumat yang tepat, namun jika ada kesalahan atau maklumat yang sudah tidak relevan pada ketika laporan ini dibaca, ia adalah diluar jangkauan penulis. *Report* ini tidak bertujuan untuk menggantikan khidmat nasihat dan konsultasi oleh doktor. Oleh itu, sebarang gangguan kesihatan, kesan sampingan, komplikasi, kerugian baik dalam jangkamasa pendek atau jangkamasa panjang kesan daripada kaedah-kaedah yang dicadangkan dalam *report* ini adalah diluar tanggungjawab penulis.

## PENDAHULUAN

Laporan ini adalah berdasarkan hasil dapatan daripada beberapa penyelidikan yang telah dijalankan di Barat tentang kaitan antara rangsangan persekitaran dengan kepintaran kanak-kanak. Hasil daripada kajian ini akan memberikan jawapan kepada suatu persoalan penting iaitu **adakah kepintaran anak boleh dijana?**



Dalam kajian-kajian ini, takrif kepintaran hanya merujuk khusus kepada IQ (Intelligence Quotients). Walaupun hasil kajian moden menunjukkan bahawa kepintaran bukannya bergantung kepada IQ semata-mata, tetapi oleh kerana IQ adalah satu-satunya elemen kepintaran yang boleh diukur secara kuantitatif, maka elemen inilah yang paling sesuai dijadikan variabel.

## Elemen? Kuantitatif? Variabel? Apa tu?

☺ Oleh kerana laporan ini bertajuk kepintaran, maka apa salahnya sesekali digunakan istilah-istilah yang biasa dipakai oleh orang-orang cerdas pandai. Tapi anda jangan risau kerana kami akan persembahkan laporan ini dan juga ebook Rahsia Anak Pintar dalam bahasa yang paling mudah. Laporan ini bukanlah suatu tesis atau laporan saintifik, tetapi penulisan ini adalah dalam bentuk santai dan praktikal bagi bacaan umum.

Sebelum anda teruskan pembacaan, pastikan anda faham klasifikasi skala-skala IQ berikut:

### Descriptive Classifications of Intelligence Quotients

<b>IQ</b>	<b>Description</b>	<b>% of World Population</b>
130+	Very superior	2.2%
120-129	Superior	6.7%
110-119	High average	16.1%
90-109	Average	50%
80-89	Low average	16.1%
70-79	Borderline	6.7%
Below 70	Extremely low	2.2%

## Peranan Persekitaran Terhadap IQ dan Kepintaran

Otak, sistem saraf dan keseluruhan sistem badan yang lain adalah dibina berdasarkan arahan yang diterima dari gen yang diwarisi dari ibu-bapa. Ia adalah sesuatu yang logik jika seseorang anak itu mewarisi gen-gen pintar yang diterjemahkan kepada kepintaran anak tersebut. Bahkan para pengkaji telah berjaya membuktikan beberapa hipotesis bahawa ibu-bapa yang mempunyai IQ yang tinggi juga akan melahirkan anak yang mempunyai IQ tinggi dan sebaliknya. Ini adalah hasil dapatan awal kajian-kajian mengenai IQ dan kepintaran.

Walau bagaimanapun, sebilangan besar pengkaji menyangkal pendapat ini. Ia bermula dengan satu persoalan mudah.

***“Adakah seorang anak yang lahir dari ibubapa berbangsa Sepanyol pasti akan bertutur dalam bahasa Sepanyol, manakala anak berbangsa Jepun pasti akan bertutur dalam bahasa Jepun?”***

Anda sendiri dapat menjawabnya bukan. Kebolehan pertuturan dalam sesuatu bahasa tidak diwarisi secara genetik, tetapi ia bergantung kepada bahasa yang mana seseorang anak itu dengar setiap hari dalam proses pembesaran. Bagaimana jika anak berbangsa Sepanyol dibesarkan dari kecil lagi dalam keluarga berbangsa Jepun?

Oleh itu, IQ dan kepintaran seseorang anak, besar kemungkinan bergantung kepada persekitaran dan rangsangan yang diterimanya dalam proses pembesaran. Sebab itulah kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang pintar contohnya dipelihara oleh ibu-bapa yang pintar, persekitaran ini akan merangsang kepintaran seseorang anak.

Hmm..adakah anda dapat ‘tangkap’ apa yang saya ingin sampaikan. Tak faham atau masih tak boleh terima kenyataan baharu bahawa kepintaran anak boleh dijana? Minda anda masih dijajah dengan mitos bahawa kepintaran adalah genetik semata-mata? Baik, teruskan membaca. Pembacaan seterusnya adalah sesuatu yang sangat menarik.

Berikut adalah beberapa penyelidikan yang pernah dilakukan bagi mengkaji sejauh mana rangsangan terhadap persekitaran boleh menjana kepintaran anak dengan ketara. Sebaliknya, ketiadaan rangsangan yang baik terhadap persekitaran anak akan memberi kesan kemerosotan yang signifikan terhadap kepintaran. (Signifikan? 😊).



## The Glenwood State School Research

Kajian ini melibatkan 25 kanak-kanak dari sebuah pusat jagaan anak yatim. Kanak-kanak ini berada dalam persekitaran yang tidak selesa, kurang rangsangan ke atas minda disebabkan rumah anak yatim ini adalah sesak dan tidak cukup kaki tangan.

13 kanak-kanak dengan purata umur 19 bulan dipindahkan ke 'Glenwood State School' dan setiap bayi dijaga oleh seorang wanita, manakala selebihnya iaitu 12 bayi dikekalkan di rumah anak yatim tersebut. Skeels, pengkaji yang menerajui kajian ini telah memilih kanak-kanak yang paling lemah untuk ditempatkan di Glenwood School. Purata IQ mereka adalah 64 manakala purata IQ anak-anak yatim yang kekal di rumah anak yatim tersebut mempunyai purata IQ 87 (*Skeels, H. M., et al., "A study of environmental stimulation: An orphanage preschool project," University of Iowa Studies in Child Welfare, 1938, vol. 15(4).*)

Di Glenwood State School, kanak-kanak ini dibesarkan di persekitaran yang luas dan terbuka di kalangan wanita-wanita normal. Mereka dibesarkan dengan kasih sayang dan belaian. Alat-alat mainan diberi dan sering dibawa keluar berjalan-jalan. Kanak-kanak ini juga sering dibawa berbicara. Wanita-wanita tersebut pula dilatih bagaimana untuk merangsang kepintaran bayi dan kanak-kanak.





(Gambar Hiasan)

Setelah 18 bulan, suatu hasil dapatan yang ‘dramatik’ dapat diperhatikan. Anak2 yang dibesarkan di Glenwood State School didapati menunjukkan peningkatan IQ secara purata sebanyak 29. Setelah 2 setengah tahun kemudian, 11 daripada 13 kanak-kanak tersebut telah di ambil sebagai anak angkat dan IQ mereka secara puratanya adalah 101.

Kumpulan kawalan iaitu 12 kanak-kanak yang dibesarkan di rumah anak-anak yatim tersebut pula mempunyai purata IQ 66 iaitu merosot sebanyak 21.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa persekitaran dan rangsangan terhadap minda memberi kesan yang ketara terhadap perkembangan minda kanak-kanak.

## The Milwaukee Project

Di hujung tahun 1960-an, dibawah pengawasan Rick Heber dari University of Wisconsin, satu kajian telah dilakukan untuk merangsang kepintaran kanak-kanak dari persekitaran yang tidak selesa. Kajian dilakukan di satu komuniti di Milwaukee yang mempunyai pendapatan isi rumah yang rendah dan aras pendidikan yang rendah. Komuniti ini juga mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kadar pengangguran yang paling tinggi di sekitar daerah Milwaukee.

Terdapat satu lagi statistik yang menyebabkan komuniti ini menjadi pilihan utama untuk dijadikan bahan kajian iaitu daripada kanak-kanak yang dilabel sebagai lembam, 33% daripada mereka berada dalam komuniti ini.

Pada permulaannya, Heber memilih 40 bayi yang baru lahir dari kawasan ini. Ibunya dipilih dari golongan yang mempunyai IQ dibawah 80. Secara kebetulan, semua kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini adalah berkulit hitam dan kebanyakannya ketiadaan bapa. Daripada 40 bayi tersebut, 20 dibesarkan sebagai kumpulan ujikaji manakala 20 lagi dibesarkan sebagai kumpulan kawalan.

Kumpulan pertama diberikan program khas iaitu ibu-ibu mereka menerima latihan dalam pendidikan anak-anak. Anak-anak tersebut juga diberikan program-program khas bagi merangsang peningkatan minda. Manakala kumpulan kawalan tidak mendapat program-program khas ini.

Mereka dibiarkan membesar dalam persekitaran asal mereka dan dipantau perkembangan mereka dari masa ke semasa. Bila berumur 6 tahun, kanak-kanak kumpulan pertama menunjukkan perbezaan yang ketara dengan kumpulan kawalan iaitu kumpulan pertama mempunyai purata IQ 120.7 berbanding 87.2 pada kumpulan kawalan.

Kemudian kedua-dua kumpulan kanak-kanak ini didaftarkan ke sekolah-sekolah berdekatan dalam komuniti kajian ini. Bila berumur 10 tahun, kumpulan kanak-kanak pertama tadi, iaitu kumpulan ujikaji menunjukkan penurunan aras IQ kepada 105 manakala kumpulan kawalan tadi mencatat purata IQ 85.

Salah satu kemungkinan punca bagi penurunan bagi kumpulan ujikaji tersebut dari 120.7 kepada 105 adalah kerana sekolah-sekolah ini merupakan sekolah-sekolah yang disediakan untuk pelajar-pelajar dari komuniti kajian yang dikenali sebagai pelajar-pelajar lemah. Pelajar-pelajar dari kumpulan ujikaji ini tidak dbekalkan dengan bahan-bahan pengajaran yang setara dengan aras kepintaran mereka. Selain itu, faktor pemakanan juga menjadi punca kerana ketika dibawah jagaan ibu-ibu yang dilatih dengan program-program khas, pemakanan mereka dijaga dengan pemakanan-pemakanan yang sihat dan seimbang setiap hari. Tetapi, setelah mereka ke sekolah, kebanyakan mereka dilaporkan menghadiri kelas dalam keadaan lapar tanpa sarapan. Kesimpulannya, persekitaran yang mereka lalui tidak merangsang perkembangan minda yang baik.

## Kajian-kajian Lain

Satu kajian telah dilakukan di Israel di mana kumpulan kanak-kanak di bahagian berdekatan Eropah mempunyai purata IQ 105 manakala kumpulan kanak-kanak di kawasan berdekatan timur tengah memiliki purata IQ 85. Bila dibesarkan di pusat yang khas dan mendapat rangsangan minda yang setara, kanak-kanak dari kedua-dua golongan mempunyai purata IQ 115.

Satu lagi kajian telah dilakukan di Nassua County, New York. Satu 'home based' program dijalankan di mana sekumpulan ibu-bapa dilatih 2 ½ jam seminggu selama 2 tahun. Anak-anak mereka pada asalnya memiliki IQ 90, bila menjelang masa mereka memulakan hari pertama persekolahan, IQ mereka meningkat kepada 108.

*Nota: Skala Penilaian IQ sentiasa berubah dari masa ke semasa. Walaupun sebahagian dari kajian-kajian ini dilakukan berpuluh-puluh tahun dahulu dengan skala perkiraan IQ yang lama, namun hasil kajian ini masih tetap boleh diterima pakai. Ini dikuatkan lagi oleh hasil kajian terkini yang menyokong kajian-kajian lama di atas.*

## Kesimpulan

Para pengkaji tentang kepintaran manusia telah membuat satu perumpamaan kehidupan manusia seperti permainan terup. Ketika lahir, setiap orang akan diberikan beberapa keping daun terup iaitu genetik atau baka yang diwarisi. Ada yang dapat daun terup yang bernilai baik dan ada yang dapat daun terup yang bernilai rendah. Walaubagaimanapun, kejayaan permainan terup tersebut sentiasa bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran. Tetapi, jika pemain terup tersebut tidak menguasai teknik-teknik permainan yang betul dan latihan yang secukupnya, walaupun dia mendapat daun terup yang baik, belum tentu dia boleh memenangi permainan tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat faktor-faktor tertentu dari segi genetik dalam diri seseorang itu yang memberikan kelebihan baginya berbanding individu-individu lain. Namun jika faktor-faktor genetik tersebut tidak dijana dengan baik, belum pasti ia dapat memberikan hasil yang sepatutnya. Ia tetap dipengaruhi oleh kualiti dan kuantiti pendidikan yang telah dilalui oleh seseorang individu itu.

Adakah mitos ‘Kepintaran Adalah Genetik’ sudah hilang dari minda anda setelah membaca artikel di atas? Jika anda masih tergolong dalam golongan yang percaya bahawa anak anda memang dilahirkan ‘tidak pintar’, anda telah mengerakkan ‘buah catur’ yang salah dari awal permainan tentang masa depan anak anda. Atau pun persoalan berikut bermain-main di pemikiran anda??

## Kepintaran Anak Boleh Dijana, Tapi Bagaimana?



Anda dah lihat sebelum ini bagaimana jika seseorang itu diberi peluang yang sebaiknya, mereka juga akan menunjukkan perkembangan minda yang baik. Anda juga pernah lihat bagaimana persekitaran dan rangsangan memberi kesan yang ketara terhadap kepintaran. Untuk anda ubah persekitaran dari segi Dasar Pendidikan Negara, prasarana-prasarana institusi-institusi pendidikan, sistem persekolahan, sukatan pelajaran dan isi kandungan buku teks adalah suatu yang di luar kemampuan kita dan saya percaya pihak yang bertanggungjawab akan lakukan yang terbaik untuk memastikan bagaimana institusi pendidikan dapat memberikan rangsangan yang terbaik kepada anak-anak kita. Itu tugas mereka.

Tapi, sebagai ibu-bapa, apakah tugas dan tanggungjawab kita? Apa yang boleh dilakukan bagi menyediakan persekitaran dan rangsangan

yang terbaik untuk perkembangan minda anak-anak kita? Sebagai ibu-bapa, anda memainkan peranan yang sangat penting, jauh lebih penting dari peranan guru di sekolah. Oleh itu, ia harus bermula dari awal.

Sebenarnya diri kita telah banyak kali tertipu dengan dunia barat. Sebahagian besar saintis dari barat ingin meyakinkan kita bahawa kepintaran adalah genetik dan mereka mendakwa baka mereka (baka *mat salleh*) adalah yang terbaik. Mereka telah menunjukkan pelbagai bukti melalui pencapaian-pencapaian mereka selama ini.

Tahukah anda bahawa golongan inilah yang masih berpegang teguh kepada teori evolusi yang telah ditolak mentah-mentah oleh kajian-kajian saintifik moden. Mereka mendakwa bahawa manusia mengalami evolusi dari spesies beruk. Orang kulit putih adalah golongan yang telah mengalami proses evolusi yang paling sempurna manakala orang-orang kulit hitam afrika khususnya masih lagi belum sempurna proses evolusinya. Orang-orang Asia seperti kita sedikit lebih baik dari orang afrika.

*(Harun Yahya, The Evolution Deceit: The Scientific Collapse of Darwinism and Ideological Background.)*

Tetapi dengan kesedaran yang ada pada kita, sedikit demi sedikit, orang-orang Islam sudah mula menafikan dakwaan jahat mereka ini. Oleh itu, perkara pertama yang perlu kita lakukan adalah dengan merujuk kepada sejarah iaitu ketika zaman kegemilangan Islam bagaimana kita orang Islam pernah menduduki takhta tertinggi tamadun kemanusiaan. Pernah dengar nama-nama seperti Ibnu Sina, Al-Biruni, Al-Farabi, Ibnu Khaldun dan bagaimana mereka telah **mengungguli dunia?**

Kaedah merangsang kecerdasan minda dan formula pemakanan ilmuan Islam lampau merupakan rahsia kehebatan daya intelek mereka. Formula kejayaan yang menjadikan mereka tersohor di dunia dalam pelbagai jurusan ilmu tersebut telah disahkan kebenarannya oleh penemuan-penemuan saintifik.

Oleh itu, kami ingin dedahkan secara ringkas tentang sebahagian kaedah-kaedah rangsangan minda yang terbaik iaitu bersumberkan al-quran dan sunnah yang menjadi rahsia ilmuan-ilmuan islam.

Sebuah hadis Rasulullah s.a.w pula bermaksud,

***“Orang yang cerdas otaknya ialah orang yang tunduk dan beramal untuk akhiratnya, Orang yang lemah otaknya ialah orang yang suka mengikut hawa nafsunya kepada perkara-perkara yang tercela”.***

## **i. Baca Al-Quran**

*Saidina Ali Bin Abu Talib r.a. berkata, “Terdapat tiga perkara yang menguatkan ingatan dan menghilangkan balgham iaitu **bersugi gigi, berpuasa dan membaca al-Quran.**”*

Al-Quran adalah mukjizat yang istimewa. Seorang pelajar hafiz secara umumnya berupaya mengambil masa kurang 2 tahun untuk menghafal 30 juzuk al-Quran. Jika difikirkan dengan logik, hampir-hampir mustahil seseorang itu boleh menghafal setiap perkataan dalam sebuah buku, lebih-lebih lagi dalam bahasa yang dia sendiri tidak faham



maknanya. Tetapi ia adalah suatu perkara biasa jika mampu menghafal keseluruhan isi al-Quran. Oleh itu, anak-anak hendaklah dilatih membaca al-Quran sejak kecil kerana ia merupakan senjata yang istimewa membentuk kepintaran.

## ii. Berpuasa

Seseorang yang dilatih berpuasa sejak kecil dapat meningkatkan kecerdasan minda. Melatih anak berpuasa sejak kecil akan meningkatkan kemampuan mereka bersabar, menahan diri dari melanggar perkara-perkara yang membatalkan puasa dan berfikir dengan tenang. *Daniel Goleman*, seorang pakar Psikologi Amerika pernah mengemukakan hasil kajian beliau bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara perkembangan psikologi anak yang sabar dan anak yang tidak sabar. Selain daripada itu, amalan berpuasa juga dapat melatih anak-anak mengawal emosi mereka.

## iii. Bersugi

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi s.a.w bersabda, "Sekiranya tidaklah menjadi suatu bebanan kepada umatku nescaya aku menyuruh mereka **bersugi** setiap kali mereka hendak mengambil wuduk" (Riwayat Ahmad, Malik dan an-Nasa'i)*

#### iv. Kaedah Pemakanan

##### ▶ Susu Ibu

Dalam Islam, adalah menjadi hak seorang anak untuk menyusu badan selama 2 tahun. Susu Ibu mengandungi DHA yang boleh membantu perkembangan minda bayi. Suatu kajian yang dijalankan ke atas 1000 orang kanak-kanak di New Zealand mendapati bahawa kanak-kanak yang diberi susu ibu mempunyai tahap kecerdasan otak dan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang diberi susu botol.

##### ▶ Madu

Madu adalah penawar kepada pelbagai jenis penyakit termasuk mencerdaskan minda. *Rasullullah s.a.w* bersabda, “*Siapa ingin menghafal, hendaklah ia minum manisan madu*”.

##### ▶ Buah Delima

Antara kelebihan buah delima adalah sebagai penerang hati. *Sabda Nabi s.a.w*, “*Barangsiapa yang memakan buah delima keseluruhannya, sesungguhnya Allah menerangkan hatinya selama 40 hari*”

### ► Susu segar

*Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; “Tiada sesuatu pun yang dapat menepati kedudukan makanan dan minuman selain susu”*

Susu berguna untuk kesihatan otak, mempertajamkan ingatan, membekalkan tenaga mental dan fizikal. Susu mengandungi tiga unsur semulajadi penting iaitu keju, lemak dan air yang amat diperlukan untuk pertumbuhan badan dan otak.

### ► Kismis

*“Sesiapa yang ingin menghafal Hadith hendaklah ia kerap memakan anggur kering (kismis)”*

*– Imam Zuhi (Penghafal Hadis Terkenal di Madinah) –*

Kismis mengandungi zat besi yang amat diperlukan untuk membina darah bagi memastikan bekalan oksigen yang mencukupi untuk disalurkan ke otak. Kekurangan oksigen menyebabkan seseorang mudah mengantuk, pelupa, lembab dan mengalami kelemahan dalam berfikir.

Persoalan yang timbul adalah, adakah amalan-amalan tersebut masih relevan dengan zaman kita sekarang? Berikut adalah sebilangan kecil bukti-bukti daripada kesan amalan-amalan tersebut:

### ► Amalan Ibu Adiputra

Ibu kepada Adi Putra, Serihana Alias, mengakui bacaan surah Luqman, Maryam dan Yusof menjadi amalannya sepanjang mengandung. Adi Putra yang mendapat pengiktirafan antarabangsa, telah mencipta lebih 200 formula menyelesaikan masalah matematik.



### ► Amalan Pelajar Terbaik 20A SPM 2008, (Nik Nur Madihah Binti Nik Mohd Kamal)

Beliau telah mendapat 20A dalam peperiksaan SPM 2008 dan mengakui antara amalannya adalah sentiasa puasa sunat Isnin dan khamis.



Nampaknya laporan ini telah melebihi dari jangkaan kami dan oleh kerana ruangan yang terhad, kami terpaksa berhenti di sini. Untuk maklumat lanjut, anda perlu dapatkan **ebook Rahsia Anak Pintar** kerana melalui ebook tersebut yang berjumlah melebihi 160 m/s, kami kongsi dengan panjang lebar tentang kaedah-kaedah yang diterangkan di atas dan berbagai kaedah-kaedah lain.



[www.rahsiaanakpintar.com](http://www.rahsiaanakpintar.com)

Ebook ini ditulis khusus untuk panduan ibu-bapa. Sebelum ini memang ada penulisan tentang kepintaran kanak-kanak, tetapi ia lebih khusus untuk kegunaan pendidik, guru atau jurulatih. Tetapi ebook Rahsia Anak Pintar digarap khusus untuk ibu bapa. Percayalah, pendekatannya sangat berbeza dan ia sangat praktikal.

[www.rahsiaanakpintar.com](http://www.rahsiaanakpintar.com)

Penulisnya juga merupakan **ibu dan bapa** kepada anak-anak biasa seperti anda. Sebahagian besar situasi yang diterangkan, kita sama-sama mengalaminya dalam proses membesarkan anak-anak. Sudah pasti ia akan mudah dihayati oleh anda yang juga merupakan ibu bapa kepada anak-anak kesayangan anda.

Selain itu, dalam proses mendidik anak-anak, kami juga sentiasa terbuka dengan perbincangan-perbincangan yang bermanfaat. Kami jemput anda untuk sama-sama berkongsi tentangnya di blog kami iaitu [www.blog.rahsiaanakpintar.com](http://www.blog.rahsiaanakpintar.com)

Semoga penulisan yang ringkas ini dapat dimanfaatkan.

Yang Ikhlas,

*Mohamad Jaafar Hussin*

*Nor Azlina Sidek*

admin@rahsiaanakpintar.com

## Rujukan

Clark, B., *Growing Up Gifted* (3rd ed.), (Columbus: Merrill, 1988).

Dworetzky, J. P., *Introduction to Child Development* (St. Paul: West Publishing Company, 1981).

Harun Yahya, *The Evolution Deceit: The Scientific Collapse of Darwinism and Ideological Background*. (6<sup>th</sup> Edition), (Kültür Publishing, 2001).

Skeels, H. M., et al., "A study of environmental stimulation: An orphanage preschool project," *University of Iowa Studies in Child Welfare*, 1938, vol. 15(4).

## BIODATA PENULIS

Nama : Hj. Mohamad Ja'afar bin Hj. Hussin  
Tarikh Lahir : 10.11.1967  
Tempat Lahir : Kedah, Malaysia  
Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Sains  
(Pembangunan Sumber Manusia)  
Pengalaman  
Bidang Pendidikan : Guru, Tutor, Fasilitator Kursus, Perunding e-Learning.

---

Nama : Hjh. Nor Azlina bt Hj. Sidek  
Tarikh Lahir : 10.12.1969  
Tempat Lahir : Selangor, Malaysia  
Pengalaman : Ibu Kepada 3 Anak

DAPATKAN MAKLUMAT BERKAITAN ANAK PINTAR DI ALAMAT BERIKUT;

[www.blog.RahsiaAnakPintar.com](http://www.blog.RahsiaAnakPintar.com)

[www.anakpintar2u.com](http://www.anakpintar2u.com)

”Rahsia Anak Pintar – Langkah Bijak Membina Generasi Pintar”

<http://www.RahsiaAnakPintar.com>